

# Gangguan khusyuk solat

## Sunat wangian dalam masjid, elak benda haram jejas kesucian hati

U mum mengetahui hari ini, banyak masjid menyediakan alat pewangi-automatik yang mengandungi bau-bauan. Tujuannya kerana malaikat menyukai bau seperti kasturi, ambar, kemenyan dan lain-lain.

Bukan itu saja, sejadah wangi juga boleh didapati di mana-mana. Sudah tentulah wangian itu tidak mengandungi alkohol atau bahan daripada najis. Cuma, persoalan yang mungkin timbul ialah hubungannya dengan khusyuk solat.

Sejauh mana kesan wangian itu mengganggu khusyuk seseorang dalam sembahyang amat sukar dipastikan kerana ia adalah soal dalam yang tidak mampu diselidiki. Khusyuk bermaksud hati sentiasa hidup, manakala khusyuk dalam solat menghadirkan hati kepada Allah SWT dalam solat.

Rasulullah SAW bersabda: "Solat itu dua-dua rakaat, terdapat tasyahhud pada setiap dua rakaat, kekhusyukan hati, bersungguh-sungguh memohon dan merendah diri serta ketenangan hati." (Riwayat At-Tirmizi)

### Sunat mengharumkan masjid

Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam pada 1998, dalam mengharuskan penggunaan wangian di masjid berpandangan, jika melihat kepada sifat malaiikat yang sangat suka kepada bau-bauan harum, maka begitulah juga manusia. Justeru, tentulah tiada halangan untuk meletakkan sesuatu yang disukai malaiikat dan manusia di masjid.

Justeru, mewangikan masjid dengan bau-bauan seperti gaharu, kemenyan



**Ikhhlaskan diri ketika bersolat dan kekusyukan tersebut akan hadir dalam diri.**

(GAMBAR HIASAN)

dan sebagainya adalah memang disuruh dan sunat mengharumkan masjid pada setiap hari Jumaat.

Ibnu Majah telah mentakhrijkan daripada Watsilah bin Al-Asqa', katanya, Rasulullah SAW bersabda: "Jauhkanlah masjid-masjid kamu daripada kanak-kanak, orang gila, berjual beli, pertelingkahan, peninggian suara/kebisingan, pelaksanaan hukum hudud, penghunusan pedang dan letakkanlah di pintunya tempat bersuci dan harumkanlah masjid itu pada hari-hari Jumaat."

Abu Ya'la juga telah mentakhrijkan Ibnu 'Umar bahawa 'Umar sentiasa mengharumkan masjid pada setiap Jumaat.

Bukan saja masjid, malah Kaabah juga diletakkan wangian di dalamnya. Pada setiap tahun pada musim haji, Kaabah akan dibersihkan seterusnya diletakkan wangi-wangian di dalamnya dan ia telah

menjadi tradisi tahunan di sana.

Perkara ini tidak terbatas pada hari Jumaat semata-mata kerana Hajarul Aswad dan lingkungannya, kiswah Kaabah dan batu-batu binaan Kaabah di bahagian sebelah bawah yang mudah dicapai, sering dilumur dengan bau-bauan 'athar. Dalam Masjidil Haram dan di sekeliling mathaf juga terdapat beberapa orang membawa pedupaan yang mengeluarkan asap wangi daripada kayu gaharu.

### Pelihara kesucian hati

Ada banyak perkara yang mengganggu kekhusyukan solat. Oleh itu, hati perlu dipelihara kesuciannya dengan menjauhkannya daripada benda haram termasuk makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal.

Persediaan rapi boleh membantu mendapatkan khusyuk dalam solat seperti bersugi dan memastikan wuduk yang

sempurna. Antara kelebihan wuduk ialah dapat menjauhkan seseorang daripada gangguan syaitan.

Saidina 'Umar berkata: "Sesungguhnya wuduk yang baik itu mengusir syaitan daripada engkau." Justeru, kita hendaklah memastikan wuduk diambil itu sempurna supaya air mengenai semua anggota wajib.

Diriwayatkan daripada Abu Rauh al-Kula'ie daripada seorang lelaki bahawa beliau pernah mendirikan solat Subuh bersama Rasulullah SAW dan Baginda membaca surah Ar-Ruum. Pada salah satu ayatnya, bacaan Baginda terganggu.

Lalu apabila selesai solat Baginda bersabda: "Sesungguhnya bacaan kami terganggu disebabkan terdapat beberapa orang di antara kamu yang solat bersama kami tidak menyempurnakan wuduk mereka. Oleh itu, siapa yang mendirikan solat bersama kami, maka sempurnakanlah wuduknya." (Riwayat Ahmad dan An-Nasa'ie)

Selain itu, pastikan semua urusan diselesaikan lebih awal supaya tidak timbul kebimbangan atau ketidakelesaan apabila hendak menunaikan solat. Begitu juga dalam memilih tempat solat. Suasana yang tenteram, selesa, tidak bising dan sebagainya turut menyumbang kepada kekhusyukan solat.

Wangian atau semburan dalam masjid bukan penyebab terganggu solat kerana khusyuk berkaitan dengan soal dalaman. Namun, tidak dinafikan keadaan sekeliling juga boleh mengganggu kerana sejadah terlalu banyak gambar akan menghilangkan tumpuan apabila leka melihat gambar.

Abdullah bin 'Umar tidak pernah meletakkan al-Quran, pedangnya atau surat di tempat solatnya. Semuanya diletakkan di belakang atau di mana saja yang tidak dapat dilihat supaya tidak mengganggu solatnya.

**Penulis** ialah Pensyarah Kanan dan Penyelaras Unit Penerbitan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD), USIM



NIK SALIDA SUHAILA